

05/05/1998

Impian Malaysia sukar dicapai: Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin - Impian Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 mungkin sukar dicapai berikutan kegawatan ekonomi sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun bersyukur kerana kestabilan politik dan sokongan padu rakyat pelbagai kaum selama ini menjadi faktor utama dalam mengembalikan semula keyakinan pelabur asing ke negara ini.

"Malaysia dikenali sebagai negara paling pesat membangun sejak sekian lama dan kami ingat boleh terus begini selamanya.

"Malahan, kami menetapkan wawasan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

"Sekarang kami tidak begitu yakin kerana kegawatan yang dihadapi negara ini dan lain-lain negara di Asia Tenggara," katanya berucap pada jamuan tengah hari bersama Jawatankuasa Perniagaan Amerika Syarikat-Malaysia dan Majlis Perdagangan Amerika Syarikat-Asean, di sini hari ini.

Turut hadir Duta Amerika ke Malaysia, John Mallot dan delegasi 18 syarikat Amerika yang dalam siri lawatan selama tiga hari ke negara ini.

Perdana Menteri berkata, keyakinan pelabur asing tidak tergugat walaupun Malaysia mengalami kegawatan ekonomi yang agak teruk, berikutan kekuatan asas yang ada padanya.

"Tidak ada pertikaian industri atau kemelut politik di negara ini. Dasar perniagaan kami juga begitu mesra.

"Ini semua membuatkan pelaburan di Malaysia lebih menarik lagi.

"Kestabilan politik, rakyat pelbagai bangsa dan agama juga tidak menimbulkan sebarang masalah di sini ... hanya pada 1969.

"Tetapi kami belajar daripada pengalaman...adalah lebih baik memiliki 50 peratus daripada sesuatu daripada 100 peratus tiada apa-apa. Ini adalah falsafah kami dalam membina negara ini," katanya.

Dr Mahathir percaya kegawatan sekarang pasti berakhir tidak lama lagi.

"Saya fikir perkara buruk mesti akan berakhir, cuma sama ada cepat atau lambat.

"Jika ia akan berlaku lambat, kami terpaksa menerimanya," katanya.

Malah, beliau yakin dengan sokongan dan pelaburan asing terutama dari syarikat Amerika dapat mempercepatkan proses pemulihan.

Dr Mahathir berkata, dasar Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diperkenalkan kerajaan dalam menarik pelabur asing membantu kemakmuran Malaysia.

"Kami masih berpendapat ia adalah dasar yang baik dan akan meneruskan dasar itu terutama dalam proses pemulihan ekonomi sekarang," tegasnya.

(END)